




UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti



GARIS PANDUAN KESELAMATAN KATA LALUAN PENGGUNA ICT

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

Versi 1.0

Maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK)





PENGESAHAN

Terkandung dalam mukasurat ini nama-nama orang yang terlibat dalam pembangunan, pengesahan dan meluluskan dokumen ini.


Informasi Dokumen

Nama Dokumen	Garis Panduan Keselamatan Kata Laluan Pengguna ICT
Nama Agensi	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
Nama Pemilik	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK)
Matlamat Dokumen	Menerangkan tatacara pengurusan kata laluan yang selamat.
Versi	1.0
Tarikh Diluluskan	

	
Disediakan oleh: Pegawai Teknologi Maklumat Kanan Nama: Ts. Mohd Faizal bin Mustafa Tarikh : 27 MAC 2023	

	
Disemak oleh: Ketua Pegawai Teknologi Maklumat Nama : Ts. Farahzeeda binti Zakaria Tarikh : 27 MAC 2023	Diluluskan oleh: Pengarah BTMK Nama : Lt Kol Hamzan bin Abdul Jamil (Bersara) Tarikh : 27 MAC 2023

**KAWALAN DOKUMEN**

DISEDIAKAN OLEH:		
Tandatangan	:	
Nama	:	Ts. Mohd Faizal bin Mustafa
Jawatan	:	Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
Tarikh	:	27 MAC 2023
DISEMAK OLEH:		
Tandatangan	:	
Nama	:	Ts. Farahzeeda binti Zakaria
Jawatan	:	Ketua Pegawai Teknologi Maklumat
Tarikh	:	27 MAC 2023
DILULUSKAN OLEH:		
Tandatangan	:	
Nama	:	Lt Kol Hamzan bin Abdul Jamil (Bersara)
Jawatan	:	Pengarah BTMK
Tarikh	:	27 MAC 2023



REKOD PINDAAN

Senarai di bawah adalah nama-nama pegawai/agensi/pasukan yang telah dibenarkan untuk menyimpan dokumen ini. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya arahan ini tidak dipatuhi.

BIL	Tarikh Pindaan	Ringkasan	Kelulusan	Tarikh Berkuatkuasa
1.	16 Mac 2023	Dokumen baru versi 1.0	Pengarah BTMK	20 Mac 2023
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				



ISI KANDUNGAN

1	TUJUAN	Error! Bookmark not defined.
2	LATAR BELAKANG	1
3	SKOP	1
4	KESELAMATAN KATA LALUAN	1
4.1	Memilih Kata Laluan Yang Kukuh	1
4.2	Melindungi Kata Laluan	2
4.2	Menukar Kata Laluan	3
5	PEMATUHAN	3
6	RUJUKAN	4



1.0 TUJUAN

Garis panduan ini menerangkan tatacara pengurusan kata laluan yang selamat.

2.0 LATAR BELAKANG

Kata laluan adalah aspek penting dalam keselamatan ICT. Penggunaan kata laluan bertujuan untuk melindungi akaun pengguna dan memastikan maklumat universiti terpelihara daripada capaian yang tidak sah. Kelemahan pengurusan keselamatan kata laluan boleh mendedahkan sistem dan rangkaian universiti kepada serangan penggodam.

3.0 SKOP

Garis panduan ini merangkumi pengurusan keselamatan kata laluan pengguna ICT UPNM.

4.0 KESELAMATAN KATA LALUAN

Berikut adalah perkara yang perlu dipatuhi bagi memastikan keselamatan kata laluan anda terjamin:

4.1 Memilih kata laluan yang kukuh

Cara-cara melindungi kata laluan:

- a) Panjang kata laluan yang dipilih mestilah sekurang-kurangnya lapan (8) aksara yang mengandungi
 - i. abjad huruf besar dan kecil (seperti: A-Z, a-z);
 - ii. sekurang-kurangnya satu nombor (seperti: 0-9); dan
 - iii. sekurang-kurangnya satu simbol (seperti: ~! @ # \$ % ^ & * () _ - +

- b) Kata laluan adalah sulit dan tidak boleh didedahkan seperti ditampal pada monitor.
- c) Tidak menggunakan mana-mana bahagian daripada maklumat peribadi anda seperti nama, tarikh lahir, alamat, nombor telefon mahupun haiwan peliharaan di dalam kata laluan seperti "ahmad1902", "kucingcomel".
- d) Menggunakan perkataan dan nombor sebagai pengganti kepada abjad. Sebagai contoh: "peanut" kepada P3@NU7, "isketambola" kepada "1\$K3T@MB0L@".
- e) Tidak menggunakan urutan abjad dan nombor seperti "abcdefg" dan "123456".
- f) Tidak menggunakan turutan abjad yang terdapat pada papan kekunci (keyboard) seperti "qwertyu" atau "asdfgh".
- g) Kata laluan mestilah tidak berdasarkan maklumat yang mudah diteka oleh orang lain seperti tarikh lahir atau nombor staff UPNM.
- h) Pastikan kata laluan yang berbeza digunakan untuk sistem yang berbeza. Contohnya, tidak menggunakan kata laluan yang sama untuk akaun emel dan perbankan internet.

4.2 Melindungi kata laluan

Cara-cara melindungi kata laluan:

- a) Kata laluan adalah hakmilik individu yang tidak boleh dikongsi dengan pihak lain.
- b) Kata laluan adalah sulit dan tidak boleh didedahkan seperti ditampal pada monitor.
- c) Mewajibkan pengguna menukar kata laluan apabila log masuk kali pertama.
- d) Sentiasa waspada kehadiran pihak lain semasa memasukkan kata laluan.
- e) Tidak sesekali memberi kata laluan peribadi kepada pihak lain melalui e-mel, laman web atau media komunikasi lain.



- f) Menggunakan fitur *remember password* adalah tidak dibenarkan pada peralatan atau komputer universiti.
- g) Tidak menggunakan kata laluan *default*.
- h) Jika menggunakan kemudahan internet di tempat awam seperti kafe siber misalnya, pastikan anda telah keluar (log out) daripada aplikasi yang digunakan sebelum beredar.
- i) Sekiranya akaun atau kata laluan disyaki telah dicerobohi, pengguna hendaklah melaporkan kepada Pegawai BTMK yang bertanggungjawab dan tindakan menukar kata laluan perlu dilakukan serta merta.

4.3 Menukar kata laluan

Kata laluan perlu ditukar:

- a) Semasa log masuk kali pertama atau selepas log masuk kali pertama atau selepas kata laluan direset semula.
- b) Jadikan sebagai tabiat untuk menukar kata laluan sekerap yang mungkin. Sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh satu (1) tahun.
- c) Sekiranya mengesyaki kata laluan telah disalahguna atau diketahui pihak lain.

5.0 PEMATUHAN

- a) Semua pengguna ICT UPNM bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang sewajarnya seperti yang digariskan dalam dokumen ini.
- b) Pentadbir sistem atau e-mel rasmi UPNM berhak untuk mengeset semula kata laluan pengguna sekiranya didapati berlaku pencerobohan atau penyalahgunaan.
- c) Sebarang penyalahgunaan kata laluan perlu dilaporkan kepada pentadbir sistem atau pentadbir emel UPNM dan UPNMCERT



6.0 RUJUKAN

- a) Dasar ICT UPNM
- b) Dasar Keselamatan ICT UPNM

